



ExxonMobil
Energy lives here™

SPARK YOUR CREATIVITY CHALLENGE 2023



SYARAT PERTANDINGAN & PENYERTAAN

Disediakan Oleh:
Unit Pameran & Pendidikan Sains
Pusat Sains & Kreativiti Terengganu

Kemaskini pada 26 Julai 2023



KERTAS KONSEP

PERTANDINGAN SPARK YOUR CREATIVITY CHALLENGE 2023

Tarikh : 5 September 2023

Tempat : Pusat Sains & Kreativiti Terengganu

1.0 PENDAHULUAN

Pertandingan '**SPARK YOUR CREATIVITY CHALLENGE**' merupakan satu pertandingan rekacipta dan inovasi yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di Negeri Terengganu. Ia merupakan aktiviti tahunan PSKT bagi menggalakkan para pelajar untuk terlibat secara langsung dalam membudayakan pendidikan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM). Sejalan dengan perkembangan globalisasi, kita perlu mengorak langkah dan mendepani wawasan agar matlamat dan pencapaian dapat dilaksanakan dengan jayanya. Program ini merupakan salah satu platform perkongsian dan pengembangan hasil kajian penyelidikan sains dan kejuruteraan para pelajar. Program ini akan melahirkan ramai pelajar yang berbakat besar di dalam dunia inovasi dan kreativiti.

Tujuan asal pertandingan ini ialah untuk mengembangkan pengaplikasian pengetahuan ilmu sains dan kejuruteraan yang menjurus kepada penyelesaian masalah dan penggunaan teknologi terkini dalam kehidupan seharian. Ia juga ingin memberi kesedaran dan peningkatan minat kepada para pelajar tentang kebaikan dan kehebatan sains dan kejuruteraan di dalam kehidupan.

Pada tahun ini, tema yang dicadangkan adalah "**Inovasi Dron kepada Industri**". Dron merupakan satu peranti/gajet yang mampu diterbangkan dan mempunyai pelbagai fungsi yang boleh diaturkan berdasarkan pengaturcaraan. Pertandingan ini juga direka bentuk supaya murid dapat diperkenalkan dengan teknologi dron yang merupakan salah satu teknologi di dalam bidang Revolusi Industri 4.0. Justeru itu, teknologi dron hendaklah diperkembangkan lagi supaya dapat memberi manfaat kepada industri dan digunakan secara meluas dalam bidang-bidang tertentu.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memperkenalkan teknologi dron kepada murid
- 2.2 Meningkatkan kesedaran penggunaan teknologi dron kepada murid.
- 2.3 Membina kemahiran pengaturcaraan dan kreativiti murid dalam kalangan murid.
- 2.4 Mengembangkan teknologi dron di dalam memberi manfaat kepada industri.
- 2.5 Mengembangkan idea dan bakat murid di dalam sesebuah inovasi.
- 2.6 Menyediakan satu platform kepada murid untuk bersaing secara sihat di dalam pertandingan.

3.0 MAKLUMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Tarikh : 5 September 2023 (Selasa)
- 3.2 Tempat : Pusat Sains & Kreativiti Terengganu
- 3.3 Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang (Rujuk Aturcara Pertandingan)
- 3.4 Tema : Inovasi Dron kepada Industri

4.0 KELAYAKAN / SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Pertandingan ini adalah terbuka kepada murid-murid serta guru di Negeri Terengganu sahaja.
- 4.2 Murid sekolah rendah adalah berumur 11 tahun – 12 tahun manakala murid sekolah menengah adalah berumur 13 – 17 tahun.
- 4.3 Pertandingan adalah secara berpasukan. Setiap pasukan adalah terdiri daripada 3 orang pelajar serta seorang guru pengiring.
- 4.4 Penyertaan adalah secara berpasukan dari sekolah yang sama. Hanya **satu pasukan daripada satu sekolah sahaja** yang layak masuk ke pertandingan.
- 4.5 Peserta perlu menghantar borang penyertaan bersama video kreatif untuk melayakkan mereka ke peringkat seterusnya.

5.0 KONSEP PERTANDINGAN

5.1 Peringkat Saringan Video Kreatif

- 5.1.1 Video kreatif akan dinilai oleh juri yang diwakili oleh pihak PSKT.
- 5.1.2 Peserta yang layak ke pertandingan akhir akan dimaklumkan oleh pihak urusetia dan akan diberikan sedikit taklimat secara *online* berkenaan pertandingan akhir SYCC 2023.

5.2 Pertandingan Akhir SYCC

- 5.2.1 Peserta akan membuat pembentangan fizikal bersama model projek masing-masing di hadapan 3 orang juri profesional berkenaan fungsi dan teknologi dron yang boleh memberi manfaat kepada industri.
- 5.2.2 Pembentangan adalah selama 10 minit termasuk sesi Q & A.
- 5.2.3 Dron akan diuji dengan kebolehfungsian serta manfaat yang menyeluruh daripada hasil kajian.

5.3 Kronologi Pertandingan SYCC



5.4 Format Video Kreatif

5.4.1 Peserta hendaklah menyiapkan satu video kreatif berdasarkan kriteria berikut:

- i. Pengenalan dron
- ii. Pengaturcaraan dron
- iii. Masalah yang dapat dikenalpasti
- iv. Fungsi dan teknologi dron dalam mengatasi masalah

5.4.2 **Durasi masa adalah tidak melebihi 3 minit.**

5.4.3 Penggunaan bahasa adalah sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Tidak dibenarkan sama sekali mencampurkan kedua-dua bahasa tersebut.

5.4.4 Video adalah asli, tidak dibenarkan mengambil daripada mana-mana sumber lain.

5.4.5 Format **video kreatif adalah dalam bentuk mp4.**

5.5 Format Pertandingan Akhir

5.5.1 Peserta hendaklah menyiapkan projek / model prototaip jika projek yang berskala besar.

5.5.2 Projek hendaklah sama dengan cadangan projek semasa video kreatif.

5.5.3 Peserta juga perlu menyediakan slaid powerpoint berkenaan projek untuk dibentangkan kepada juri.

5.5.4 Pembentangan akhir akan diadakan secara fizikal di Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT) dan peserta akan membentangkan hasil projek yang telah disiapkan.

5.5.5 Masa yang diperuntukkan adalah selama 10 minit termasuk sesi pembentangan, pengujian dan Q&A.

5.5.6 Projek / model prototaip hendaklah berfungsi dengan baik dan menepati tema.

6.0 KRITERIA PEMARKAHAN

6.1 Peringkat Saringan Video Kreatif

6.1.1 Peringkat Saringan Video Kreatif akan dinilai oleh Pegawai PSKT. Antara kriteria yang dinilai adalah seperti berikut:

Kriteria	Penerangan
Pengenalan dron	<ul style="list-style-type: none"> - Apakah yang dimaksudkan dengan dron serta fungsi-fungsi ringkas mengenainya. - Sejarah dron.
Pengaturcaraan dron	<ul style="list-style-type: none"> - Format pengaturcaraan yang digunakan.
Masalah yang dikenalpasti	<ul style="list-style-type: none"> - Apakah masalah yang dapat dikenalpasti yang menjadi sebab kepada projek dron. - Isu di dalam sekolah / komuniti setempat
Fungsi dan teknologi dalam menyelesaikan masalah	<ul style="list-style-type: none"> - Fungsi yang ada dalam dron yang dapat menyelesaikan masalah atau isu tersebut - Teknologi yang digunapakai contohnya sensor, kamera dan sebagainya.

6.2 Pertandingan Akhir

Seramai 3 orang juri akan menghakimi sesi pembentangan dan dan pengujian projek / prototaip. Pemarkahan adalah sepertimana berikut:

KOMPONEN	KRITERIA	MARKAH
Idea / Konsep	Keaslian idea, tidak meniru idea orang lain	30%
	Idea yang unik dan menarik	
	Penggunaan yang meluas dalam industri	
	Projek yang menepati tema	
	Perbincangan kepada isu / masalah yang dicadangkan	
	Solusi kepada masalah yang dicadangkan	
Sesi Pembentangan	Pengenalan kepada teknologi dron	55%
	Penggunaan dron dalam menyelesaikan sesuatu masalah	
	Pemahaman peserta kepada tema yang dibentangkan	
	Isi kandungan slaid yang menarik dan mudah difahami	
	Penggunaan bahasa serta intonasi semasa pembentangan	
	Kelancaran pembentangan oleh pembentang	
	Kreativiti persembahan pembentangan	
	Persembahan keseluruhan pelajar semasa sesi pembentangan	
	Kerjasama keseluruhan di dalam kumpulan	
	Ketepatan masa pembentangan	
	Sesi Q & A, peserta boleh menjawab soalan yang diutarakan oleh juri	
Pengujian Projek	Penerangan kepada cara pengujian projek	15%
	Projek berfungsi dengan baik	
	Projek dapat menyelesaikan masalah dan sesuatu isu dan boleh dikormesialkan	
JUMLAH KESELURUHAN		100%

7.0 ATUR CARA PERTANDINGAN

7.1 Atur Cara Pertandingan Akhir

Tarikh	Masa	Acara
5 September 2023 (Selasa)	8.00 pg - 9.00 pg	Pendaftaran Makan Pagi
	9.00 pg – 11.00 pg	Sesi Pembentangan
	11.00 pg – 11.15 pg	Rehat
	11.15 pg – 1.00 ptg	Sambungan Sesi Pembentangan
	1.00 ptg – 2.30 ptg	Makan Tengahari Solat Zohor

7.2 Atur Cara Majlis Penyampaian Hadiah

Tarikh	Masa	Acara
5 September 2023 (Selasa)	3.30 petang	Ketibaan tetamu, VIP dan VVIP
	3.45 petang	Ketibaan Perasmi Lawatan ke booth pameran
	4.15 petang	Majlis Perasmian Bacaan Doa Tayangan Video Program Ucapan alu-aluan 1 Ucapan alu-aluan perasmi Penyampaian Hadiah
	5.30 petang	Jamuan makan dan bersurai

8.0 HADIAH DAN CENDERAMATA

8.1 Kategori Sekolah Rendah

Johan – RM 1,000 + Piala Iringan + Plak + Sijil Pemenang
Naib Johan – RM 800.00 + Plak + Sijil Pemenang
Tempat Ketiga – RM 600.00 + Plak + Sijil Pemenang
2 x Saguhati – RM 300.00

8.2 Kategori Sekolah Menengah

Johan – RM 1,000 + Piala Iringan + Plak + Sijil Pemenang
Naib Johan – RM 800.00 + Plak + Sijil Pemenang
Tempat Ketiga – RM 600.00 + Plak + Sijil Pemenang
2 x Saguhati – RM 300.00

Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.

9.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN

9.1 Peserta boleh mendaftar penyertaan melalui pautan <https://forms.gle/vwzENqpkbCf817wj7> atau mengimbas kod QR di bawah

Imbas kod QR untuk pendaftaran.



- 9.2 Video kreatif hendaklah dimuatnaik ke laman YouTube dan pautan (*link*) hendaklah disertakan di dalam borang penyertaan.
- 9.3 Tarikh tutup penyertaan dan penghantaran video adalah **sebelum atau pada 10 Ogos 2023**.

10.0 LAIN-LAIN

- 10.1 Keputusan juri adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 10.2 Sekiranya terdapat sebarang permasalahan yang berlaku yang tiada di dalam syarat pertandingan, juri dan urus setia diberi kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan.
- 10.3 Syarat pertandingan dan tarikh program boleh diubah dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan pertandingan.
- 10.4 Sebarang kemaskini syarat pertandingan akan dimuatnaik pada laman web Pusat Sains & Kreativiti Terengganu www.pskt.terengganu.gov.my

11.0 MAKLUMAT URUSETIA

Sebarang keterangan lanjut, boleh berhubung dengan urusetia melalui:

Pusat Sains & Kreativiti Terengganu,
Kg. Laut, Chendering,
21080 Kuala Terengganu.
Tel : 09-617 4003 / 09-617 4004 Faks : 09-617 4005
E-mel : eduscience.pskt@gmail.com
Website : www.pskt.terengganu.gov.my